

## Hubungan antara Sikap Bertangguh dengan Hala Tuju Kerjaya dalam kalangan Pelajar Tingkatan Enam

### *(The Relationship between Procrastination and Career Path among Form Sixth Students)*

Nur Afiqah Azizi<sup>1\*</sup>, Muhammad Syawal Amran<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: p141957@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: syawal@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Nur Afiqah Azizi  
(p141957@siswa.ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Sikap bertangguh  
Hala tuju kerjaya  
Tingkatan Enam

#### KEYWORDS:

Procrastination  
Career path  
Form Sixth

#### CITATION:

Nur Afiqah Azizi, & Muhammad Syawal Amran. (2025). Hubungan antara Sikap Bertangguh dengan Hala Tuju Kerjaya dalam kalangan Pelajar Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(8), e003523.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i8.3523>

#### ABSTRAK

Sikap bertangguh dalam kalangan pelajar boleh menjejaskan perancangan masa depan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara sikap bertangguh dengan hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap sikap bertangguh dan tahap hala tuju kerjaya serta meneliti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Seramai 264 orang pelajar Tingkatan Enam di beberapa buah sekolah dari Daerah Hulu Langat, Selangor telah dipilih secara rawak sebagai responden. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada *Tuckman Procrastination Scale (TPS)* dan *Career Maturity Inventory (CMI)*. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 27 dengan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai dan Ujian Korelasi Pearson untuk meneliti hubungan antara sikap bertangguh dengan hala tuju kerjaya. Dapatan menunjukkan bahawa tahap sikap bertangguh dalam kalangan pelajar adalah pada tahap sederhana rendah (min = 2.65) manakala tahap hala tuju kerjaya pula berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.02). Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap bertangguh dengan hala tuju kerjaya ( $r = 0.292$ ,  $p < 0.001$ ). Analisis subkonstruk pula menunjukkan motivasi diri merupakan faktor paling konsisten dan signifikan mempengaruhi kejelasan hala tuju kerjaya. Kajian ini memberikan sumbangan kepada bidang pendidikan dan psikologi dengan menyediakan bukti empirikal tentang kepentingan menangani sikap bertangguh sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hala tuju kerjaya.

### ABSTRACT

Procrastination among students can negatively impact their future planning. This study was conducted to identify the relationship between procrastination and career path among Form Six students. The objectives of this study were to determine the levels of procrastination and career path, as well as to examine the relationship between these two variables. A total of 264 Form Six students from several schools in Hulu Langat District, Selangor, were randomly selected as respondents. This study employed a quantitative survey design using a questionnaire instrument adapted from the Tuckman Procrastination Scale (TPS) and the Career Maturity Inventory (CMI). The data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 27, with descriptive statistics used to obtain the mean and standard deviation, and Pearson Correlation Test applied to examine the relationship between procrastination and career path. The findings showed that the level of procrastination among students was moderately low (mean = 2.65), while the level of career path was moderately high (mean = 3.02). The Pearson Correlation analysis revealed a significant and positive relationship between procrastination and career path ( $r = 0.292, p < 0.001$ ). The sub-construct analysis showed that self-motivation was the most consistent and significant factor influencing the clarity of career path. This study contributes to the field of education and student psychology by providing empirical evidence on the importance of addressing procrastination as one of the factors that influence the career path.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini membuktikan data empirikal mengenai hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya, sekali gus menjadi asas intervensi pendidikan bagi memperkukuh perancangan masa depan pelajar.

## 1. Pengenalan

Penangguhan masa atau sikap bertanggung merupakan tingkah laku lazim yang berpunca daripada kegagalan mengawal diri apabila individu cenderung menunda tugas penting demi kepuasan jangka masa pendek (Hailikari, Katajavuori & Asikainen, 2021). Dalam konteks akademik, penangguhan merujuk kepada kecenderungan pelajar menangguhkan tugas atau aktiviti pembelajaran secara sukarela, meskipun menyedari bahawa tindakan tersebut boleh membawa kesan negatif terhadap pencapaian akademik (Steel & Klingsieck, 2020).

Sikap bertanggung bukan sahaja menjejaskan proses pembelajaran, malah turut mempengaruhi aspek lain dalam kehidupan pelajar. Antara kesannya termasuk kesukaran membuat keputusan, kelemahan dalam merancang masa depan serta kegagalan mengurus masa dan tanggungjawab secara berkesan (Li & Lee, 2023). Tugas yang ditangguhkan lazimnya disiapkan secara tergesa-gesa, sekali gus mengurangkan kualiti kerja dan menjejaskan tahap produktiviti (Ma et al., 2024).

Kajian mendapati penangguhan masa secara berterusan bukan sahaja menyebabkan prestasi akademik merosot, malah berkait dengan tekanan, kurang motivasi serta kebarangkalian untuk menarik diri daripada kursus, khususnya dalam persekitaran pembelajaran dalam talian (Santelli et al., 2020). Risiko masalah kesihatan mental seperti kebimbangan, harga diri yang rendah, gangguan hiperaktif (ADHD) dan kemurungan yang teruk turut meningkat, sekali gus menjejaskan kesejahteraan pelajar secara menyeluruh (Abbasi & Alghamdi, 2015).

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap bertanggung dalam kalangan pelajar serta hubungannya dengan hala tuju kerjaya. Hasil kajian diharapkan dapat membantu pelajar memahami kesan penangguhan terhadap perancangan masa depan, di samping memberi panduan kepada guru dan kaunselor dalam merancang intervensi yang lebih berkesan. Usaha ini seterusnya berupaya meningkatkan persediaan pelajar menghadapi cabaran kerjaya dan menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Sikap bertanggung atau penangguhan masa dalam kalangan pelajar semakin menjadi isu yang membimbangkan dalam konteks pendidikan masa kini. Meskipun pelajar menyedari bahawa menunda tugas akademik secara berterusan boleh menjejaskan pencapaian mereka, tingkah laku ini masih berlaku secara meluas. Selain memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik, sikap bertanggung juga boleh menjejaskan kesejahteraan mental, kestabilan emosi dan perancangan masa depan pelajar secara keseluruhan.

Menurut Klassen et al. (2010), punca berlakunya penangguhan akademik boleh dikategorikan kepada dua faktor utama, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Dari aspek dalaman, pelajar sering berhadapan dengan masalah kurang keyakinan diri dan kesukaran memahami kandungan pelajaran (Shaked & Altarac, 2022). Situasi ini menjadi lebih parah apabila mereka gagal mengurus masa dengan baik serta terdorong untuk memilih keseronokan jangka pendek berbanding menyelesaikan tugas penting yang memerlukan tumpuan dan komitmen.

Sementara itu, faktor luaran turut memainkan peranan yang signifikan. Dalam pembelajaran secara dalam talian, ramai pelajar melaporkan berasa bosan dan kurang bermotivasi, khususnya apabila berdepan dengan isu teknikal seperti gangguan Internet, kekurangan kuota data atau ketiadaan peranti yang sesuai (Balhara et al., 2022; Fentaw et al., 2022). Cabaran ini bukan sahaja menjejaskan fokus pelajar, malah melemahkan keupayaan mereka untuk menyiapkan tugas mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Selain itu, persekitaran keluarga juga menyumbang kepada berlakunya sikap bertanggung. Gaya keibubapaan yang kurang menyokong, keadaan rumah yang tidak kondusif dan tekanan ekonomi menjadi penghalang kepada motivasi serta fokus pelajar dalam menyelesaikan tugas akademik (Makbul et al., 2021; Putri Daryani & Yuni Nugrahyu, 2021). Ketiadaan sokongan emosi dan sumber pembelajaran yang mencukupi menjadikan pelajar lebih berisiko untuk terus menanggung tanggungjawab akademik mereka.

Rentetan daripada pelbagai faktor ini, jelaslah bahawa sikap bertanggung berpunca daripada gabungan faktor dalaman dan luaran yang saling mempengaruhi. Jika tidak ditangani dengan berkesan, tingkah laku ini bukan sahaja menjejaskan prestasi akademik, malah berpotensi mengganggu kesejahteraan emosi serta hala tuju masa depan pelajar, termasuk dalam aspek kerjaya.

Walaupun isu sikap bertanggung telah banyak dibincangkan dalam pelbagai kajian lepas, kebanyakan penyelidikan lebih menumpukan kepada kesannya terhadap prestasi akademik dan aspek pengurusan masa. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya pelajar. Justeru, satu kajian menyeluruh perlu dijalankan bagi menentukan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini secara lebih mendalam. Hasil kajian diharapkan dapat membantu pelajar membina hala tuju kerjaya yang lebih jelas, terancang dan selaras dengan keperluan masa hadapan.

## 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

- i. Menentukan tahap sikap bertanggung dan tahap hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam.

## 2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kecenderungan untuk menangguhkan tugas bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar dewasa, bahkan telah wujud seawal peringkat pendidikan rendah. Kajian oleh [Teow dan Syawal \(2024\)](#) meneliti kesan penangguhan masa dalam kalangan murid sekolah rendah dan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara penangguhan dengan pencapaian akademik dalam subjek Bahasa Cina. Dapatan ini menggambarkan bahawa tingkah laku menunda tugas memberi kesan langsung terhadap prestasi pelajar, sekali gus menekankan kepentingan membentuk kemahiran pengurusan masa yang baik sejak di bangku sekolah rendah lagi.

[Zhu \(2023\)](#) menjelaskan bahawa penangguhan masa tidak semestinya bersifat negatif kerana dibahagikan kepada dua aspek iaitu pasif dan aktif. Penangguhan pasif sering dikaitkan dengan tekanan emosi, motivasi yang rendah dan prestasi akademik yang menurun, manakala penangguhan aktif pula melibatkan tindakan menunda secara sengaja untuk bekerja di bawah tekanan masa yang boleh meningkatkan kecekapan sendiri dan kreativiti. Faktor dalaman seperti kecekapan sendiri yang rendah serta pengaruh luaran seperti ketagihan media sosial turut menyumbang kepada tingkah laku bertanggung.

Sementara itu, [Yup dan Mohd Nasir Selamat \(2025\)](#) mendapati bahawa ciri keperibadian dan tahap impulsiviti juga mempengaruhi bentuk penangguhan. Pelajar yang kurang tekun dan kurang kerjasama cenderung menangguh secara pasif, manakala mereka yang lebih bersosial menangguh secara aktif tetapi tetap menyiapkan tugas. Namun, pelajar yang impulsif dan kurang perancangan lebih berisiko menangguh secara tidak produktif, seterusnya menjejaskan pencapaian akademik.

Secara keseluruhannya, penanguhan masa bermula seawal peringkat pendidikan rendah dan memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik. Tingkah laku ini dipengaruhi oleh faktor dalaman, luaran serta ciri keperibadian pelajar. Penanguhan pasif sering dikaitkan dengan prestasi yang menurun, manakala penanguhan aktif berpotensi memberi kesan positif apabila dikendalikan secara berkesan. Penguasaan kemahiran pengurusan diri sejak awal sangat penting untuk mengelakkan kesan negatif terhadap perkembangan akademik dan sahsiah pelajar.

### 3. Metod Kajian

#### 3.1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mendapatkan data secara menyeluruh (Creswell, 2015). Kajian kuantitatif membolehkan pengujian hubungan antara pemboleh ubah bebas (sikap bertanggung) dan pemboleh ubah bersandar (hala tuju kerjaya) dilaksanakan secara empirikal (Creswell, 2014).

#### 3.2. Lokasi Kajian

Kajian dilaksanakan di beberapa buah sekolah dari Daerah Hulu Langat, Selangor. Pemilihan lokasi ini berdasarkan beberapa pertimbangan, termasuk ketersediaan pelajar Tingkatan Enam sebagai populasi sasaran, kepelbagaian latar belakang demografi pelajar serta akses praktikal penyelidik terhadap institusi pendidikan yang terlibat.

#### 3.3. Populasi dan Sampel

Bagi memastikan sampel kajian mewakili populasi dengan tepat, penyelidik telah menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dalam pemilihan responden. Populasi kajian ialah seramai 700 orang pelajar Tingkatan Enam. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel minimum yang disarankan ialah 248 orang. Namun, bagi meningkatkan ketepatan dapatan kajian, seramai 264 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian.

#### 3.4. Pengumpulan Data

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik melalui Google Form yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian A mengumpulkan maklumat demografi responden seperti jantina, kaum, dan aliran pengajian. Bahagian B mengukur tahap sikap bertanggung dalam kalangan pelajar menggunakan *Tuckman Procrastination Scale* (TPS) yang dibangunkan oleh Tuckman (1991). Seterusnya, Bahagian C menilai tahap hala tuju kerjaya dengan menggunakan *Career Maturity Inventory* (CMI) yang diadaptasi daripada Crites (1978). Soal selidik ini telah diubah suai dan disesuaikan mengikut konteks pelajar Tingkatan Enam sebelum digunakan dalam kajian.

#### 3.5. Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, soal selidik asli telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan diberikan kepada dua orang penilai yang pakar dalam bidang bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dua orang pakar penilai telah melakukan kesahan konstruk dan kesahan muka

bagi memastikan instrumen yang digunakan mengukur konstruk dengan tepat (Cohen, Manion & Morrison, 2013).

Selepas itu, satu kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan seramai 30 orang responden di luar lokasi kajian. Dapatan kajian rintis dianalisis menggunakan nilai signifikan *Cronbach's Alpha* untuk menilai kebolehpercayaan item. Nilai Alpha yang terbaik adalah 0.80 dan ke atas (Nunnally, 1978). Konstruk Sikap Bertanggung terdiri daripada 15 item dan memperoleh nilai *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.872, manakala konstruk Hala Tuju Kerjaya merangkumi 24 item dengan nilai *Cronbach's Alpha* yang lebih tinggi iaitu 0.938. Kedua-dua nilai ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, sekali gus membuktikan bahawa item-item dalam instrumen kajian adalah konsisten dan sesuai digunakan. Sisihan piawai bagi Sikap Bertanggung ialah 10.47 manakala bagi Hala Tuju Kerjaya ialah 21.99, menunjukkan terdapat variasi dalam jawapan responden, namun instrumen kekal stabil dan boleh dipercayai untuk kajian ini.

### 3.6. Kaedah Penganalisan Data

Data yang telah dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27.0 iaitu analisis statistik deskriptif dan inferensi.

Statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan kekerapan digunakan untuk menerangkan tahap sikap bertanggung dan hala tuju kerjaya pelajar. Statistik inferensi seperti ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya. Interpretasi min skor dalam kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap sikap bertanggung dan hala tuju kerjaya pelajar. Skor min antara 4.01 hingga 5.00 menunjukkan tahap tinggi, manakala skor antara 3.01 hingga 4.00 menunjukkan tahap sederhana tinggi. Skor dalam julat 2.01 hingga 3.00 dikategorikan sebagai tahap sederhana rendah, manakala julat 1.00 hingga 2.00 menunjukkan tahap rendah (Nunnally & Bernstein, 1994). Tafsiran ini membantu memahami kecenderungan pelajar terhadap kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

Analisis Korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Kaedah ini sesuai digunakan kerana dapat mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pemboleh ubah. Melalui analisis ini, penyelidik dapat mengetahui sama ada peningkatan atau penurunan dalam sikap bertanggung mempunyai kaitan dengan hala tuju kerjaya pelajar serta kekuatan hubungan tersebut berlaku. Bagi tujuan pentafsiran kekuatan hubungan antara pemboleh ubah, kajian ini merujuk kepada jadual interpretasi pekali Korelasi yang dicadangkan oleh Cohen (1988). Nilai pekali Korelasi antara 0.50 hingga 1.00 menunjukkan hubungan yang kuat antara dua pemboleh ubah. Nilai antara 0.30 hingga 0.49 pula menunjukkan hubungan yang sederhana, manakala nilai antara 0.10 hingga 0.29 menggambarkan hubungan yang lemah. Panduan ini membolehkan penyelidik membuat kesimpulan yang lebih tepat dan bermakna terhadap data yang diperolehi daripada analisis Korelasi.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Profil Demografi Responden

Taburan kekerapan bagi responden dalam kajian ini menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 264 orang pelajar, majoriti terdiri daripada perempuan iaitu seramai 149 orang (56.4%) berbanding lelaki seramai 115 orang (43.6%). Dari segi kaum, sebahagian besar responden adalah daripada kaum Melayu iaitu 202 orang (76.5%), diikuti oleh kaum Cina seramai 39 orang (14.8%), India seramai 8 orang (3.0%) dan lain-lain kaum sebanyak 15 orang (5.7%). Bagi aliran pengajian pula, majoriti responden merupakan pelajar daripada aliran Sains Sosial iaitu seramai 244 orang (92.4%) manakala hanya 20 orang (7.6%) terdiri daripada aliran Sains. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian ini didominasi oleh pelajar perempuan, berbangsa Melayu, dan beraliran Sains Sosial.

### 4.2. Tahap Sikap Bertanggung dan Tahap Hala Tuju Kerjaya

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan tahap sikap bertanggung dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap sikap bertanggung dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai skor Min = 2.65 dan SP = 0.63.

Jadual 1: Tahap Sikap Bertanggung dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Sikap Bertanggung	264	2.65	0.63	Sederhana Rendah

Empat subkonstruk dalam sikap bertanggung yang dianalisis ialah penangguhan tugas (min = 2.40), pengurusan masa (min = 2.84), motivasi diri (min = 2.78) dan sifat suka membuat alasan (min = 2.56). Antara keempat-empat subkonstruk ini, pengurusan masa dikenal pasti sebagai aspek yang paling mencabar bagi pelajar, manakala penangguhan tugas mencatatkan nilai paling rendah sekali gus mencerminkan masih wujud kesungguhan dalam menyempurnakan tugas walaupun berhadapan dengan kesukaran. Aspek motivasi diri menunjukkan bahawa pelajar masih cenderung bergantung kepada dorongan luaran, manakala sifat suka membuat alasan didapati masih berada pada tahap yang terkawal.

Jadual 2 pula menjelaskan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan tahap hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Jadual 2 menunjukkan tahap hala tuju kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam dengan skor Min = 3.02 dan SP = 0.57 yang menggambarkan tahap sederhana tinggi.

Empat subkonstruk utama dalam hala tuju kerjaya yang dinilai ialah keprihatinan (min = 2.52), keinginan tahu (min = 2.93), keyakinan diri (min = 3.18) dan meminta pandangan (min = 3.45). Aspek meminta pandangan mencatatkan min tertinggi yang menunjukkan kebergantungan pelajar kepada sokongan sosial seperti ibu bapa dan guru dalam membuat keputusan kerjaya. Walaupun keyakinan diri turut mencatatkan min yang tinggi, wujud kekeliruan dalam membuat keputusan yang muktamad. Sebaliknya, tahap keprihatinan

yang rendah menunjukkan bahawa sebahagian pelajar belum benar-benar mengambil serius perancangan kerjaya secara proaktif.

Jadual 2: Tahap Hala Tuju Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Hala Tuju Kerjaya	264	3.02	0.57	Sederhana Tinggi

#### 4.3. Hubungan antara Sikap Bertanggung dengan Hala Tuju Kerjaya

Jadual 3 menunjukkan analisis hubungan antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya pelajar Tingkatan Enam yang menggunakan Ujian Korelasi Pearson.

Jadual 3: Hubungan antara Sikap Bertanggung dengan Hala Tuju Kerjaya

	Hala Tuju Kerjaya	
	Nilai r	Sig. P
Sikap Bertanggung		
Keperihatinan ( <i>Concern</i> )	0.197**	0.001
Keinginan Tahu ( <i>Curiosity</i> )	0.295**	< 0.001
Keyakinan Diri ( <i>Confidence</i> )	0.222**	< 0.001
Meminta Pandangan ( <i>Consultation</i> )	0.174**	0.004
Keseluruhan Hubungan Sikap Bertanggung dengan Hala Tuju Kerjaya	0.292**	< .001

\*Aras Kesignifikan pada aras sig.=  $p < 0.05$

\* $p < 0.05$  =  $H_a$  diterima (Terdapat hubungan)

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara positif dan berkekuatan lemah antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya pelajar, dengan nilai Korelasi Pearson yang diperoleh ialah  $r = 0.292$  dan nilai signifikan  $p < .001$ . Dapatan ini menandakan bahawa terdapat hubungan linear yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji, iaitu apabila tahap sikap bertanggung meningkat, skor hala tuju kerjaya pelajar juga meningkat secara serentak. Nilai Korelasi  $r = 0.292$  dikategorikan sebagai hubungan lemah menurut interpretasi Cohen (1988), manakala nilai  $p < .001$  menunjukkan bahawa hubungan ini adalah sangat signifikan dari sudut statistik. Hal ini bermakna terdapat kebarangkalian yang sangat rendah bahawa hubungan ini berlaku secara rawak atau kebetulan. Justeru, bolehlah dirumuskan bahawa data empirikal dalam kajian ini menyokong kewujudan hubungan yang bermakna antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Selain itu, keputusan analisis Korelasi Pearson yang dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara sikap bertanggung dengan subkonstruk hala tuju kerjaya menunjukkan bahawa kesemua dimensi iaitu keperihatinan, keinginan tahu, keyakinan diri dan meminta pandangan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan sikap bertanggung, masing-masing pada aras signifikan  $p < 0.01$ . Konstruk keperihatinan mencatatkan nilai Korelasi  $r = 0.197$  dengan nilai signifikan  $p = 0.001$ . Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap keperihatinan tinggi terhadap masa depan kerjaya mereka cenderung untuk menanggung tugas. Konstruk keinginan tahu pula menunjukkan hubungan yang paling kuat dengan sikap bertanggung, iaitu  $r = 0.295$  dan  $p < 0.001$ . Seterusnya, konstruk keyakinan diri mencatatkan nilai Korelasi  $r = 0.222$  dan juga signifikan pada  $p < 0.001$ , menunjukkan bahawa pelajar yang

yakin terhadap kebolehan mereka dalam merancang kerjaya turut menunjukkan sikap bertanggung yang signifikan. Akhir sekali, konstruk meminta pandangan mencatatkan nilai Korelasi paling lemah,  $r = 0.174$ , namun masih signifikan dengan  $p = 0.004$  (Jadual 3).

Secara keseluruhannya, kesemua nilai ini menggambarkan bahawa walaupun hubungan yang wujud adalah pada tahap kekuatan lemah, namun tetap signifikan dan konsisten dalam menunjukkan corak hubungan linear yang positif. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat sokongan empirikal yang kukuh terhadap kewujudan hubungan yang bermakna antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya pelajar.

#### 4.4. Hubungan antara Subkonstruk Sikap Bertanggung dengan Subkonstruk Hala Tuju Kerjaya

Jadual 4 pula menunjukkan keputusan analisis Korelasi Pearson yang dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara subkonstruk sikap bertanggung (penangguhan tugas, pengurusan masa, motivasi diri dan sifat suka membuat alasan) dengan subkonstruk hala tuju kerjaya (keprihatinan, keinginan tahu, keyakinan diri dan meminta pandangan).

Jadual 4: Hubungan antara Subkonstruk Sikap Bertanggung dengan Subkonstruk Hala Tuju Kerjaya

Subkonstruk	Keprihatinan	Keinginan Tahu	Keyakinan Diri	Meminta Pandangan
Penangguhan Tugas	.193**	.195**	.119	.054
Pengurusan Masa	.086	.142*	.181**	.105
Motivasi Diri	.172**	.344**	.248**	.217**
Sifat Suka Membuat Alasan	.154*	.209**	.144*	.158**

Nota: Nilai yang ditunjukkan ialah pekali Korelasi Pearson,  $r$ .

\*  $p < .05$ , \*\*  $p < .01$

Jadual 4 memperincikan hubungan antara subkonstruk sikap bertanggung dengan subkonstruk hala tuju kerjaya secara keseluruhan. Dapatan menunjukkan bahawa motivasi diri merupakan subkonstruk yang paling konsisten mempunyai hubungan yang signifikan dan paling kuat dengan semua aspek hala tuju kerjaya. Hubungan paling ketara dapat dilihat antara motivasi diri dengan keinginan tahu terhadap kerjaya, iaitu mencatatkan nilai Korelasi tertinggi ( $r = .344$ ,  $p < .01$ ). Ini menunjukkan bahawa pelajar yang bermotivasi tinggi lebih cenderung untuk meneroka maklumat berkaitan kerjaya dan memperlihatkan kecenderungan ingin tahu yang tinggi dalam merancang masa depan. Selain itu, motivasi diri turut mempunyai hubungan positif sederhana dengan keyakinan diri dalam membuat keputusan kerjaya ( $r = .248$ ,  $p < .01$ ). Ini menggambarkan bahawa motivasi dalaman bukan sahaja mendorong pelajar untuk bertindak, malah turut membina keyakinan dalam merancang hala tuju masa depan mereka.

Sementara itu, penangguhan tugas juga menunjukkan hubungan signifikan dengan

keinginan tahu, walaupun pada tahap yang lebih lemah ( $r = .195, p < .01$ ). Dapatan ini mungkin mencerminkan kewujudan pelajar jenis penangguh aktif yang menunda tugas tetapi tetap menunjukkan minat terhadap kerjaya. Dalam masa yang sama, sifat suka membuat alasan turut menunjukkan Korelasi lemah tetapi signifikan dengan keinginan tahu ( $r = .209, p < .01$ ). Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat kecenderungan memberi alasan, minat untuk mengetahui tentang kerjaya masih wujud dalam kalangan pelajar.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa sikap bertanggung pelajar Tingkatan Enam berada pada tahap sederhana rendah, manakala hala tuju kerjaya pula berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis Korelasi Pearson turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap bertanggung dengan hala tuju kerjaya, walaupun pada tahap kekuatan hubungan yang lemah. Dapatan juga menunjukkan bahawa subkonstruk motivasi diri merupakan faktor paling konsisten dan signifikan dalam mempengaruhi kejelasan hala tuju kerjaya.

Implikasinya, guru dan kaunselor sekolah perlu memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran pengurusan masa serta intervensi berasaskan motivasi bagi membantu pelajar merancang kerjaya secara lebih terarah. Pihak pentadbir pendidikan juga boleh mempertimbangkan pelaksanaan program pembangunan kerjaya yang menekankan kepentingan disiplin diri, perancangan masa, serta strategi motivasi dalaman untuk memperkukuh kesiapsiagaan kerjaya pelajar.

Walau bagaimanapun, keterbatasan kajian ini dari segi lokasi dan saiz sampel menuntut penyelidikan lanjutan dengan melibatkan populasi yang lebih pelbagai serta pendekatan kualitatif bagi memahami dengan lebih mendalam hubungan kompleks antara sikap bertanggung dan hala tuju kerjaya. Secara keseluruhannya, menangani sikap bertanggung bukan sahaja penting untuk meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga merupakan strategi jangka panjang dalam membentuk generasi muda yang lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya pada masa hadapan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan dan telah mendapat kelulusan daripada institusi pendidikan yang terlibat sebelum kajian dijalankan. Responden yang terpilih juga bersetuju untuk menjadi peserta kajian setelah diberikan penerangan yang jelas mengenai tujuan, prosedur serta jaminan kerahsiaan maklumat.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia dan para pensyarah yang telah memberikan tunjuk ajar. Penghargaan juga ditujukan kepada semua responden serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Abbasi, I. S., & Alghamdi, N. G. (2015). The prevalence, predictors, causes, treatments, and implications of procrastination behaviors in general, academic, and work settings. *International Journal of Psychological Studies*, 7(1), 59–66. <https://doi.org/10.5539/ijps.v7n1p59>
- Balhara, A., & Kalan, K. (2022). Impact of academic procrastination on academic achievement of secondary school students. *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 10(2), 489–496.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.). Lawrence Erlbaum Associates.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2013). Validity and reliability. In *Research methods in education* (7th ed., pp. 203–240). Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Creswell, J. W. (2015). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (5th ed.). Pearson.
- Crites, J. O. (1978). *Career Maturity Inventory*. Monterey, CA: CTB/McGraw-Hill.
- Fentaw, Y., Moges, B. T., & Ismail, S. M. (2022). Academic procrastination behavior among public university students. *Education Research International*, 2022, Article 1277866. <https://doi.org/10.1155/2022/1277866>
- Hailikari, T., Katajavuori, N., & Asikainen, H. (2021). Understanding procrastination: A case of a study skills course. *Social Psychology of Education*, 24(2), 589–606. <https://doi.org/10.1007/s11218-021-09621-2>
- Klassen, R. M., Ang, R. P., Chong, W. H., Krawchuk, L. L., Huan, V. S., Wong, I. Y. F., & Yeo, L. S. (2010). Academic procrastination in two settings: Motivation correlates, behavioral patterns, and negative impact of procrastination in Canada and Singapore. *Applied Psychology*, 59(3), 361–379. <https://doi.org/10.1111/j.1464-0597.2009.00394.x>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30 (3), 607–610.
- Li, W., & Lee, S. J. (2023). Relationship between future time orientation, career adaptability focusing on the mediating role of procrastination. *Asia-Pacific Journal of Convergent Research Interchange*, 9(5), 517–526. <http://dx.doi.org/10.47116/apjcri.2023.05.43>
- Ma, H., Ma, Q., Ma, Z., & Song, M. (2024). Exploring the complex interplay of procrastination between biological, cognitive, developmental, social, and psychological factors. *Journal of Education, Humanities and Social Sciences*, 26, 1054–1057.

- Makbul, M., Miftahuddin, Dewi Saputri, & La Ode Ismail Ahmad. (2021). The effect of academic procrastination on learning achievement of Islamic religious education students at SMAN 5 Makassar. *International Journal of Islamic Studies*, 1(1), 27-36.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Nunnally, J. C. (1978). *An Overview of Psychological Measurement* (Wolman, B. B., Ed). Plenum Press.
- Putri Daryani, D., & Yuni Nugrahayu, E. (2021). The prevalence of academic procrastination among students at Medicine Faculty Mulawarman University. *Jurnal Ilmu Kesehatan*, 9(2), 118–126.
- Santelli, B., Robertson, S. N., Larson, E. K., & Humphrey, S. (2020). Procrastination and delayed assignment submissions: Student and faculty perceptions of late point policy and grace within an online learning environment. *Online Learning*, 24(3), 35–49. <https://doi.org/10.24059/olj.v24i3.2302>
- Shaked, L., & Altarac, H. (2022). Exploring academic procrastination: Perceptions, self-regulation, and consequences. *Journal of University Teaching & Learning Practice*, 19(3), 1-23.
- Steel, P., & Klingsieck, K. B. (2020). Academic procrastination: Psychological antecedents revisited. *Australian Psychologist*, 51(1), 36–46. <https://doi.org/10.1111/ap.12173>
- Teow, R. X., & Syawal Amran. (2024). Hubungan bertanggung masa dalam akademik dengan pencapaian akademik murid di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2604>
- Tuckman, B. W. (1991). The development and concurrent validity of the procrastination scale. *Educational and Psychological Measurement*, 51(2), 473-480. <https://doi.org/10.1177/0013164491512022>
- Yup, H. Y., & Selamat, M. N. (2025). The relationship between personality traits, academic procrastination, and impulsivity among university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(5), 123–138. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v15-i5/25452>
- Zhu, F. (2023). The positive and negative aspects of procrastination in college students. *Journal of Education, Humanities and Social Sciences*, 10, 203–208.